

10/09/1998

Kompleks sukan bermanfaat

KOMPLEKS Sukan Negara di Bukit Jalil yang membabitkan kos pembinaan RM1.2 bilion tidak akan menjadi `gajah putih' selepas berakhir Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI.

Jaminan itu diberi oleh Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, apabila ditanya wartawan asing dalam sidang akhbaranya di Pusat Media Utama, semalam.

"Ia akan jadi gajah putih! Itu jawapan yang ada mahu, betul tak? Tidak, kami tidak akan membenarkan ia terbiar selepas ini."

"Kami sudah menggariskan begitu banyak rancangan untuknya, termasuk menawarkan diri menjadi tuan rumah Sukan Sea 2001, Sukan Asia 2006 dan ATF (Kejohanan Trek dan Padang Asia), yang akan ditentukan kelak," katanya.

Bukanlah rahsia bahawa di sebalik kekaguman pegawai dan atlit asing terhadap kemudahan yang disediakan Kuala Lumpur selaku tuan rumah terakhir bagi temasya alaf ini, terselit sindiran bahawa Malaysia agak berlebihan melakukannya.

Sebagai perbandingan, ramai yang menyamakan pelbagai gelanggang di Bukit Jalil dengan bertaraf Olimpik.

Tetapi, sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, ia adalah cara Malaysia untuk membuktikan komitmennya dalam menjayakan temasya kedua terbesar ini.

Muhyiddin juga berkata kemudahan-kemudahan di kompleks itu akan digunakan oleh persatuan-persatuan sukan kebangsaan, syarikat korporat dan kejohanan peringkat sekolah.

"Ia adalah pusat sukan dan rekreasi, ia akan dijadikan batu loncatan Malaysia untuk mencatat kecemerlangan pada masa depan," katanya.

Muhyiddin juga berkata Perdana Menteri yang turut menghadiri raptai penuh upacara pembukaan di Stadium Nasional malam tadi, berpuas hati dengan segala persediaan dan sambutan yang diberi tetamu negara yang mula membanjiri Perkampungan Sukan Bukit Jalil.

Menurutnya, dia sudah memberi taklimat lengkap mengenai apa yang berlaku dan acara yang akan berlangsung serta sambutan daripada 70 negara yang sudahpun tiba di Kuala Lumpur sejak awal minggu ini.

"Perdana Menteri berpuas hati dengan taklimat yang diberi dan akan turut hadir di raptai terakhir malam ini (semalam) serta majlis pembukaan Jumaat ini," katanya.

(END)